

Tempoh pajakan kilang gula akan diteliti

Tidak timbul soal kilang MSM Prai akan ditutup serta-merta

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN
SEBERANG JAYA

Cadangan lanjutan tempoh pajakan tanah kilang memproses gula, MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM Prai) akan dibawa ke Jemaah Menteri untuk pertimbangan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, tempoh pajakan kilang itu sudah tamat tahun lalu dan pihaknya sebelum ini beberapa kali membuat pengumuman rancangan membina semula Kampung Manis termasuk kawasan kilang terbabit.

Menurutnya, perancangan pembangunan semula Kampung Manis turut melibatkan kerjasama pihak swasta menerusi proses Request for Proposal (RFP) dan akan tetap diteruskan ter-

masuk penyediaan perumahan percuma untuk penduduk setinggan di kawasan berkenaan. "Pembangunan semula Kampung Manis selaras visi Kerajaan Madani dan harapan Perdana Menteri memberikan perumahan lebih baik kepada rakyat.

"Jadi, sudah tentu ia melibatkan pembangunan semula di keseluruhan kampung termasuk tapak kilang gula MSM Prai.

"Tetapi kilang ini tidak diminta berpindah serta-merta. Kita akan beri masa untuk kilang membuat pemindahan ke tempat lain kerana pembangunan dilakukan secara berfasa," katanya ketika menghadiri Majlis Penyampaian Tajaan Lindung Kendiri di Pejabat PERKESO Pulau Pinang di sini pada Sabtu.

Anthony Loke berkata, perancangan pemindahan kilang terbabit perlu dibincangkan dan pihaknya berharap pengurusan kilang dapat memberikan kerjasama baik.

Tegasnya, tidak timbul soal kilang akan ditutup serta-merta, sebaliknya diberi tempoh sekurang-kurangnya 10 tahun untuk dipindahkan.

"Jadi, saya rasa agak munasabah kilang itu diberikan masa



Anthony Loke (empat dari kanan) menyaksikan Penyampaian Tajaan Lindung Kendiri di Pejabat PERKESO Pulau Pinang pada Sabtu.

tetapi mereka perlu bekerjasama dengan pihak kita, kerajaan negeri termasuk Perbadanan Aset Keretapi (RAC) serta Kementerian Pengangkutan.

"Kalau mereka tidak berpindah selama-lamanya, maka kawasan itu tidak boleh dibangunkan," tambahnya.

Beliau berkata, cadangan lanjutan pajakan akan dibawa ke Jemaah Menteri untuk mendapat

keputusan rasmi tidak lama lagi.

Sebelum ini, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) memohon tempoh pajakan tanah kilang memproses gula MSM Prai dilanjutkan sehingga 30 tahun lagi bagi menjamin keterjaminan makanan negara, khususnya bekalan gula.

Pengerusinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, kedudukan strategik kilang itu

yang berhampiran pelabuhan dan landasan kereta api terbukti penting kepada operasi industri gula negara sejak 1964 sehingga kini.

Menurutnya, sebarang usaha menutup kilang itu bukan sahaja memberi kesan besar terhadap bekalan gula dalam negara, malah turut melibatkan kos pembangunan semula yang amat tinggi.

KKM perkenal inisiatif Healthy Living Mall

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memperkenalkan inisiatif baharu, Pusat Beli-Belah Mesra Pembudayaan Hidup Sihat atau Healthy Living Mall bersempena Sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera (BMSS) 2025.

Inisiatif ini merupakan sebahagian Pelan Strategik Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) yang menekankan penglibatan aktif sektor komersial dalam mempromosikan budaya hidup sihat.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, ia adalah strategi penting untuk mendekatkan rakyat dengan amalan gaya hidup sihat dalam rutin harian.

"Sebanyak 28 AEON Mall di seluruh negara terlibat dalam Cabaran Mall Walking bagi menggalakkan pengunjung AEON Mall aktif dalam mencapai 10,000 langkah, sekali gus mencipta rekod dalam The Malaysia Book of Records bagi kategori *Most Steps Accumulated in a Shopping Centre Walking Campaign*.

"Ia memberi peluang kepada rakyat untuk kekal aktif sambil membeli-belah bersama keluarga.

"Sambutan BMSS dilancarkan peringkat kebangsaan tahun ini bukan sekadar acara tahunan, sebaliknya



Dr Dzulkefly merasmikan sambutan BMSS peringkat kebangsaan 2025 di AEON Mall AU2, Setiawangsa, Kuala Lumpur pada Sabtu.

menjadi peringatan berterusan kepentingan budaya hidup sihat sepanjang tahun.

"September bukan hanya satu bulan dalam setahun tetapi diangkat sebagai peringatan berterusan untuk diteruskan dalam bulan berikutnya," katanya selepas merasmikan sambutan BMSS peringkat kebangsaan 2025 di AEON Mall AU2, Setiawangsa, Kuala Lumpur pada Sabtu.

Tambah Dr Dzulkefly, tahap celik kesihatan rakyat merupakan cabaran besar sedang dihadapi negara kerana masih berada pada tahap rendah.

Ujarnya, sepertiga rakyat ditempatkan berada pada tahap celik kesihatan rendah manakala hanya kira-kira 25 peratus boleh dianggap cemerlang.

"Malangnya, pengetahuan ini belum sepenuhnya diterjemahkan kepada penghayatan budaya hidup sihat.

"Berdasarkan *Malaysia Healthy Lifestyle Index*, skor rakyat menunjukkan 39 peratus berada pada tahap rendah, 29 peratus sederhana dan hanya 32 peratus pada tahap tinggi. Angka ini sangat membimbangkan," katanya.

Rawatan dialisis percuma, kurangkan beban pencarum

SEBERANG JAYA – Pembukaan Pusat Rawatan Dialisis Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di daerah ini memberi kemudahan kepada pencarum sekitar wilayah utara mendapatkan rawatan.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim berkata, pengoperasian pusat baharu itu bakal memberi manfaat kepada lebih 15,000 pencarum aktif seluruh negara yang sedang menjalani rawatan dialisis.

Menurutnya, pusat dialisis ditempatkan di bangunan PERKESO Seberang Jaya dilengkapi kemudahan moden serta mampu menampung rawatan sehingga 36 pesakit sehari.

"Pesakit atau pencarum menerima rawatan tidak perlu membayar apa-apa kerana kos ditanggung sepenuhnya oleh PERKESO.

"Berbanding pusat swasta mengenakan caj sekitar RM200 setiap kali rawatan, namun di pusat PERKESO ini rawatan adalah percuma tanpa sebarang bayaran tambahan," katanya.

Hadir sama Menteri Pengangkutan, Anthony Loke.

Dalam pada itu, Steven berkata, pusat tersebut juga melengkapkan ekosistem perkhidmatan PERKESO selain 800 pusat dialisis panel sedia ada melibatkan sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Jelasnya, selain Pulau Pinang, PERKESO kini mengendalikan lima pusat dialisis masing-masing dua di Selangor (Klang dan Shah Alam), Johor (Kluang dan Batu Pahat) serta satu di ibu negara.